

## **KESEDIAAN GURU KAFA TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**Aisah Mat Dan  
Universiti Selangor**

**Faridah Haji Salleh  
Universiti Selangor**

**Husna Kodik  
Universiti Selangor**

### **Abstract**

This article aims to identify the readiness of Kafa teachers on the use of technology as a teaching aid in teaching and learning (BBM). This study was conducted on Kafa Teachers in Bandar Malawati Religious Primary School Kuala Selangor which consists of 4 male teachers and 22 female teachers. The methodology of this study is quantitative in the form of random distribution of questionnaires to complete questionnaires. The data obtained were analyzed using IBM SPSS software version 23.0 with reference to mean, percentage, frequency, and standard deviation. The findings show that the level of knowledge, the level of readiness of teachers for the use of technology as fuel at a high level obtained a mean value = 4.15 and standard deviation = 0.69. It is hoped that this study will help the parties as well as teachers and the Selangor Islamic Religious Department in improving efforts or programs towards the provision of skilled, knowledgeable teachers and ready to perform their duties more efficiently. In conclusion, it shows that the use of technology as fuel in teaching and learning (PnP) has a more enjoyable effect when PnP is implemented and successfully creates a 21st century learning environment that is a borderless world.

*Keywords: Knowledge, Readiness, Incident, Master Kafa*

## **Abstrak**

Artikel ini bertujuan mengenal pasti kesediaan guru Kafa terhadap penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran (BBM). Kajian ini dilaksanakan terhadap Guru Kafa di Sekolah Rendah Agama Bandar malawati Kuala Selangor yang terdiri 4 orang guru lelaki dan 22 orang guru perempuan. Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif dengan edaran soal selidik secara rawak kepada soal selidik dengan lengkap. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 23.0 dengan merujuk kepada min, peratusan, kekerapan, dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, tahap kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi sebagai BBM pada tahap yang tinggi memperoleh nilai min = 4.15 dan silihan piawaian = 0.69. Kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah, guru dan Jabatan Agama Islam Selangor dalam menambah baik usaha atau program ke arah penyediaan guru yang berkemahiran, berpengetahuan serta bersedia untuk melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang. Kesimpulannya, menunjukkan bahawa penggunaan teknologi sebagai BBM dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) memberi kesan yang lebih menyeronokkan sewaktu PnP dilaksanakan dan berjaya mewujudkan suasana pembelajaran abad 21 iaitu dunia tanpa sempadan.

Kata kunci: Pengetahuan, Kesediaan, Kemenjadian, Guru Kafa.

## **PENGENALAN**

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru kelas agama fardhu ain (KAFA) di Sekolah Rendah Agama Bandar Malawati Kuala, Selangor Darul Ehsan. Penyelidik memberi fokus kepada pentingnya BBM berteknologi yang berasaskan media teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran seterusnya menilai tahap kesediaan guru menggunakan BBM tersebut. Oleh yang demikian pendidikan yang berdasarkan media teknologi telah menjadi anjakan paradigma yang merupakan tahap kemajuan membanggakan bagi warga pendidik. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang berasaskan media teknologi mampu memberi impak positif serta peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih mudah dan murid lebih memahami tentang sesuatu perkara dengan lebih cepat.

Dalam kajian Norhiza Fadila, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2016) pula menjelaskan aplikasi Web 2.0 merupakan satu teknologi pembelajaran yang mempunyai keupayaan untuk menyokong, menggalakkan perbincangan tidak formal, berdialog, berkolaboratif dan berkongsi ilmu secara terbuka. Dengan menggunakan media teknologi secara tidak langsung guru dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya. Kesediaan guru menggunakan media teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu amalan guru terhadap penggunaan BBM yang berasaskan media teknologi dikalangan guru Pendidikan Islam didapati adalah rendah. Ini adalah berpunca seperti tiada bilik makmal, bahan pengajaran tidak mencukupi, sumber kewangan yang tidak mencukupi, kekangan masa, tidak mahir membina bahan secara sendiri merupakan halangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama Bandar Malawati. Kenyataan ini disokong (Ja'afar, 2017) yang menyatakan terdapat beberapa faktor amalan penggunaan BBM antaranya kurang kepelbagaian kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Oleh yang demikian, atas kesedaran tentang kesediaan guru KAFA menggunakan media teknologi mampu meningkatkan kualiti pengajaran serta menarik minat murid di Sekolah Rendah Agama Bandar Malawati untuk belajar bersungguh - sungguh dan bersemangat untuk hadir ke sekolah. Selain itu usaha untuk memiliki kemahiran yang tinggi dan pengetahuan yang mencukupi merupakan aspek yang terpenting dalam menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bermakna.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan beberapa isu dan permasalahan yang timbul dengan memberi fokus kepada faktor minat dan pengalaman penyelidik. Selain dari itu, aspek berkaitan tahap kesediaan, pengetahuan ilmu dan halangan guru serta kemahiran adalah menjadi keutamaan. Sementara itu Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2017) dalam kajian mereka menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Isu penggunaan BBM yang berasaskan media teknologi dalam kalangan


guru perlu diberi perhatian yang sepenuhnya kerana apabila gagal mengaplikasi, ia memberi kesan kepada murid terutama mereka yang membesar seiring kemajuan teknologi di Negara Malaysia.

Perkara utama yang menjadi tumpuan sorotan kajian ialah tata cara guru menggunakan media teknologi misalnya kaedah pemasangan LCD mengambil masa yang lama kerana guru kurang diberi pendedahan oleh pihak sekolah. Kedua, sumber bahan dan alatan yang tidak mencukupi. Pihak sekolah hanya dapat menyediakan satu LCD dan disimpan oleh pihak pejabat. Guru yang berpengetahuan dan berkeperluan sahaja mengambil dan menggunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kesedaran guru juga menjadi minat menggunakan BBM berteknologi. Ketiga, faktor usia yang tidak berminat dengan ilmu teknologi dan tidak berpengalaman menggunakan teknologi BBM menjadi halangan juga kepada guru.

Justeru itu, kajian kepentingan penggunaan BBM yang berasaskan teknologi perlu diberi perhatian serta mengambil tindakan dan maklum balas dari pihak pentadbir. Penggunaan BBM yang berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan akan mengatasi kebosanan murid pada pengajaran guru yang hanya mengajar dengan menerang dan menghafal secara tradisional. Secara tidak langsung dengan kaedah ini dapat membuka minda guru untuk melakukan transformasi pendidikan dan melahirkan murid yang cemerlang akademik dan akhlak serta mengamalkan pengetahuan dalam kehidupan harian

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Menurut Azizi Yahaya (2001), telah membincangkan penggunaan model kontek, Input, Proses, dan Produk (KIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam (1971), penggunaan model kontek, Input, Proses, dan Produk (KIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam (1971). Model ini memberi gambaran kepada pengkaji mengenai aktiviti yang dijalankan mempunyai hubungan antara beberapa perkara yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Terdapatnya model ini, penilaian aktiviti dilaksanakan dengan lebih bermakna dan lengkap.



**Rajah 1.1: Teori penilaian KIPP Daniel Stufflebeam (1971) yang diubahsuai**

Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan kerangka konsep ini bagi menjelaskan matlamat melihat kesediaan guru-guru KAFA untuk merancang dan melaksanakan penggunaan BBM yang lebih menarik dan menghasilkan proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan dalam bilik darjah.

## TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan kajian ini, tahap kesediaan guru KAFA terhadap penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) menjadi tumpuan utama dalam kajian. Kajian lepas menunjukkan tahap kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi sebagai BBM hanya menekankan kepada satu item teknologi berbanding pengkaji memberi fokus utama penggunaan teknologi secara umum. Manakala dapatan kajian Maimun Aqsyah Lubis, Wan Nurul Syuhada wan Hassan, (2017) menunjukkan tahap pengetahuan guru pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah daerah Selangor berada pada tahap tinggi dan tahap kesediaan GPI berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh yang demikian hasil kajian tersebut dapat memberi gambaran mengenai sejauh mana tahap pengetahuan GPI dan kesediaan mereka terhadap penggunaan multimedia dalam PdP.

Justeru itu, penentu kejayaan atau kegagalan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kesediaan guru-guru menerima perubahan terutama penggunaan teknologi dalam pendidikan. Menurut Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, & Muhammad Syakir Sulaiman (2016) membincangkan inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan BBM membuktikan sumber pengetahuan perbincangan rakan adalah yang tertinggi. Manakala buku merupakan sumber yang paling kurang digunakan kerana berkaitan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Manakala, Muriyah Abdullah, Mohd Faez Ilias, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman (2016) membincangkan pembinaan kemahiran insaniah guru pendidikan Islam melalui amalan penggunaan bahan bantu mengajar menunjukkan bahawa amalan penggunaan BBM guru pendidikan Islam adalah sumber pengetahuan penggunaan BBM adalah sumber yang disediakan oleh pihak sekolah. Oleh yang demikian, sumber pengetahuan guru meningkat melalui sumber yang disediakan oleh pihak sekolah seperti kursus, internet, dan buku yang telah membentuk kemahiran diri.

Begitu juga kajian Othman & Kassim (2017) yang mengupas amalan penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran menerusi pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menekankan buku teks, komputer LCD, papan putih dan kertas A4 manakala pola sampingan ialah kertas edaran (kad manila), kertas mahjong, buku rujukan dan kad imbasan. Bagi BBM bukan pola ialah seperti akhbar, carta, filem dan radio kaset telah menjadi penanda aras kepada guru pendidikan Islam dalam usaha meningkatkan penggunaan BBM agar PdP lebih menarik, penyampaian yang berkesan dan memenuhi elemen KBAT untuk dilaksanakan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Oleh itu, kajian ini memberi gambaran kepada pengkaji bahawa, kepentingan penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat meningkatkan kemahiran guru dalam proses PnP dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Menurut Urahman et al (2019) yang membincangkan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar berada di tahap yang rendah. Hasil kajian menunjukkan guru kurang menggunakan alat yang berbentuk teknologi atau gajet dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Guru perlu menggunakan bahan-bahan bantu mengajar yang lebih berbentuk terkini untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan

kreatif. Pengkaji berpendapat, kaedah pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar perlu dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan dan menarik perhatian serta minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Oleh yang demikian, faktor mempengaruhi penggunaan video dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan tamil yang dibincangkan oleh Halili & Sugumaran (2019) menjelaskan bahawa guru –guru memiliki tahap kepenggunaan dan kemudahan penggunaan yang tinggi terhadap kaedah pengajaran menerusi penggunaan video *youtube*. Ini memberi gambaran menunjukkan sikap guru dan kemudahan internet mempunyai hubungan yang kuat dengan pelaksanaan aktiviti pengajaran. ia sesuai dengan kajian pengkaji yang memberi perhatian kepada kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam PnP.

## **METODOLOGI**

### **REKA BENTUK KAJIAN**

Berdasarkan kajian ini tujuan untuk menilai tahap kesediaan guru dalam penggunaan berteknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru KAFA supaya maklumat kajian ini dapat digunakan untuk membuat anjakan ke arah penambahbaikan persediaan menggunakan teknologi sebagai BBM di sekolah akan datang. Menurut Manap, Othman, Roslan, Ismail, & Kamarubahrin (2018) menyatakan penilaian adalah satu proses menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program dapat dicapai. Oleh itu, jika dilihat dari sudut pendidikan di sekolah model ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai jenis kurikulum. Seperti menilai tahap kesediaan penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar terhadap guru KAFA di SRABM. Apabila membuat kajian penilaian ini, maka kita dapat mengetahui bahawa sesuatu program itu berkesan atau tidak. Adakah terdapat kekurangan dan halangan dalam program itu dan tindakan penambahbaikan dapat diambil. Jika program dilaksanakan tanpa penilaian, maka keberkesanan dan kelemahan sesuatu program tidak dapat dikenal pasti. Ia juga menjadikan guru lebih profesional dengan melaksanakan program dengan lebih sistematik dengan menggunakan model KIPP.

Manakala kajian penyelidikan inferensi pula daripada keseluruhan populasi, hanya satu sampel tertentu sahaja dipilih dan dikumpul untuk dijadikan sebagai data numerik dan digunakan dalam ujian statistik (Hua, 2016). Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan data, selalunya melalui soal selidik. Tinjauan menjadi satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan kemudian maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data dari sampel saiz besar kerana proses menggunakan kaedah lain adalah sukar dan kompleks (Shaliza Amira et al., 2017).

## DAPATAN KAJIAN

### ANALISIS RESPONDEN

Dapatan analisa soal selidik responden dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan maklumat tentang latar belakang responden dari kalangan guru berdasarkan jantina, umur, pendidikan dan tahap kemahiran. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai ilmu teknologi yang dipunyai guru mencukupi dan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi sebagai BBM. Manakala bahagian terakhir membincangkan mengenai kemenjadian murid terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Pembahagian ini bertujuan untuk menjadikan huraian analisis soal selidik responden akan lebih fokus dan jelas.

#### Analisis Profil Responden

Taburan sampel kajian terdiri daripada 30 GPI yang mengajar di SRA Selangor. Analisis latar belakang responden melibatkan demografi seperti jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan tahap mengajar guru iaitu bagi menengah rendah atau menengah atas. Rumusan demografi responden adalah seperti yang tertera pada jadual 1.

**Jadual 1:** Profil responden kajian

Demografi	Kategori Responden	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	4	84.6
	Perempuan	26	15.4
Pengalaman Mengajar	2-5 tahun	5	19.2
	6-10 tahun	3	11.5
	11-15 tahun	7	26.9
	16 dan ke atas	11	42.3
Kelas	tahap 1,2 dan 3	14	53.8
	tahap 2,3 dan 4	12	46.2

Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 26 orang guru di Sekolah. Jadual 4.1.1 menunjukkan bahawa 84.6% responden atau 22 orang adalah guru perempuan manakala 15.4% atau 4 orang adalah guru lelaki. Daripada soalan kaji selidik, 11 orang guru mempunyai pengalaman mengajar selama 16 tahun dan keatas iaitu seramai 42.3% dari jumlah responden. Manakala 7 orang guru atau 26.9% dari responden mempunyai pengalaman mengajar selama 11-15 tahun. 11.5% responden atau seramai 3 orang guru pula mempunyai pengalaman mengajar di antara 6-10 tahun dan selebihnya seramai 5 orang guru atau 19.2% responden telah mengajar selama 2-5 tahun. Data menunjukkan seramai 14 orang atau 53.8% responden mengajar pelajar tahap 1,2 dan 3 manakalai 46.2% atau 26 orang mengajar tahap 2,3 dan 4. Rumusan daripada data demografi yang diperolehi mendapati guru perempuan lebih ramai terlibat dalam kajian ini.

## Analisis Deskriptif

Bahagian ini menjawab objektif dan persoalan kajian iaitu apakah tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru SRA terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran. Berdasarkan skor min yang tertinggi iaitu 4.31 (SP=.618) adalah item “saya pernah menggunakan teknologi sama ada bahan bercetak atau elektronik. Ini menunjukkan responden mempunyai ilmu dan tahu menggunakan teknologi. Seterusnya nilai min yang sama terendah ialah 3.96 (SP=.824) dimana item adalah “saya memperoleh bahan bantu mengajar tambahan melalui internet” dan min 3.96 (SP=.999) di mana item adalah “saya menegenetahui cara mengendalikan dengan menggunakan teknologi seperti komputer dan LCD yang disediakan di sekolah. Pernyataan ini mendapat nilai min rendah adalah disebabkan kebanyakan responden mempunyai masa yang terhad untuk mencari bahan dan mengendalikan teknologi sewaktu di sekolah dan di luar sekolah.

**Jadual 2:** Analisa Tahap Pengetahuan ilmu teknologi terhadap guru SRABM dalam pengajaran

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya tahu menggunakan komputer	4.19	.939
Saya memperoleh bahan bantu mengajar tambahan melalui internet.	3.96	.824
Saya mengetahui penggunaan teknologi sama ada bahan bercetak atau elektronik.	4.23	.710
Saya pernah menggunakan teknologi sama ada bahan bercetak atau elektronik	4.31	.618
Saya mengetahui cara mengendalikan dengan menggunakan teknologi seperti komputer dan LCD yang disediakan di sekolah.	3.96	.999

**Jadual 3:** Analisa Tahap Kesediaan guru SRAM terhadap penggunaan teknologi sebagai Bahan Bantu Mengajar

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya bersetuju bahawa penggunaan teknologi sebagai BBM yang berkesan.	4.15	.784
Saya boleh mengajar dengan menggunakan Teknologi seperti tayangan video yang berkaitan topik pembelajaran	3.92	.796
Saya kurang yakin dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kerana tiada kemahiran dan kemudahan yang disediakan.	3.31	1.087
Saya bersedia untuk meneroka dan mempelajari penggunaan teknologi sebagai BBM bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian murid.	4.19	.694



Saya lebih suka mengajar dengan cara bersyarah dan soal jawab. 3.38 1.061

Seterusnya, berdasarkan jadual 3. Dapatan menunjukkan nilai min tertinggi adalah item “saya bersedia untuk meneroka dan mempelajari penggunaan teknologi sebagai BBM bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian murid” iaitu 4.19 (SP=.694). Dengan pernyataan ini, responden menunjukkan guru bersedia diberi kursus atau bengkel mengenai penggunaan teknologi serta mengaplikasi di dalam kelas. Namun begitu, nilai min yang terendah iaitu 3.31 (SP=1.087) adalah item “saya kurang yakin dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kerana tiada kemahiran dan kemudahan yang disediakan.” Ini kerana kurangnya pendedahan dan sikap tidak peduli terhadap peralatan teknologi terkini.

**Jadual 4:** Analisa Tahap Kemenjadian murid terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai BBM

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Lebih yakin kerana penggunaan teknologi dapat meningkatkan kemahiran dalam menyampaikan isi pelajaran kepada murid.	4.15	.613
Latihan dan kuiz dapat diberi dengan mudah kepada murid.	4.27	.667
Motivasi murid akan meningkat dalam pengajaran dan pembelajaran.	4.27	.533
Murid Lebih mengikuti gaya terkini dalam PnP.	4.27	.604
Masa mengajar lebih jimat dan silibus dapat dihabiskan mengikut tempoh yang ditetapkan	4.15	.732

Berdasarkan jadual di atas, kemenjadian murid terhadap penggunaan teknologi oleh guru dalam PnP sebagai BBM mempunyai nilai min yang sama iaitu item “latihan murid akan meningkat dalam pengajaran dan pembelajaran” adalah min 4.27 (SP=.667), item “latihan murid akan meningkat dalam pengajaran dan pembelajaran” adalah 4.27 (SP=.667), item “murid lebih mengikuti gaya terkini dalam PnP adalah 4.27 (SP=.604) dan item “motivasi murid akan meningkat dalam PnP iaitu 4.27 (SP=.533). Ini menunjukkan kemenjadian murid kini menggemari pelaksanaan PnP dengan menggunakan teknologi kerana murid berasa pembelajaran yang menyeronokkan dan menggemirakan ketika belajar. Manakala item yang mendapat min terendah adalah item “saya lebih yakin kerana penggunaan teknologi dapat meningkatkan kemahiran dalam menyampaikan isi pelajar kepada murid iaitu min 4.15 (SP=.613) dan item min yang sama terendah adalah 4.15 (SP=.732) menunjukkan kepada pernyataan “masa mengajar lebih jimat dan silibus dapat dihabiskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Kesediaan guru Kafa terhadap penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hasil dapatan yang dianalisis secara

terperinci bagi mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan, kesediaan guru dan kemenjadian murid terhadap penggunaan teknologi dalam PnP. Berdasarkan jadual analisis data mendapati tahap pengetahuan berada pada tahap tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan yang dilakukan oleh guru –guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah di Selangor bahawa guru-guru tersebut mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi dengan nilai purata 4.24 (Maimun Aqsyah Lubis, Wan Nurul Syuhada wan Hassan, 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa guru Kafa SRABM Kuala Selangor mempunyai pengetahuan tahu menggunakan komputer, mengetahui penggunaan teknologi sama ada bahan bercetak mencatatkan nilai min yang tinggi. Item tertinggi dengan min=4.31 adalah item pernah menggunakan teknologi sama ada bahan bercetak. Bagaimanapun kajian ini bebezanya dengan kajian Murihah Abdullah, Mohd Faez Ilias, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman (2016) yang berkisar mengenai pembinaan kemahiran insaniah guru pendidikan Islam melalui amalan penggunaan BBM. Oleh itu sumber pengetahuan meningkat melalui sumber pengetahuan yang disediakan oleh pihak sekolah seperti kursus, internet, dan buku yang telah membentuk kemahiran diri. Tahap kesediaan guru Kafa SRABM terhadap penggunaan teknologi sebagai BBM, Hasil dapatan bagi tahap kesediaan guru Kafa SRABM Kuala Selangor menunjukkan tahap min yang tinggi. Namun guru Kafa menzahirkan sikap positif bahawa penggunaan teknologi boleh diaplikasikan dalam PnP dan ini dibuktikan melalui catatan nilai min tertinggi =iaitu 4.19 dan sisihan piawai = .694. Manakala guru Kafa juga bersetuju bahawa penggunaan teknologi sebagai BBM yang berkesan dan menunjukkan nilai min yang tinggi =4.15 dan sisihan piawai =.784. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian yang dibincangkan oleh Halili & Sugumaran (2019) faktor mempengaruhi penggunaan video dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan tamil, mereka memberi perhatian kepada kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi sebagai BBM.

Selain itu, kajian Ulahman et al (2019) dalam kajiannya kekerapan penggunaan BBM berada di tahap yang rendah kerana guru kurang menggunakan alat yang berbentuk teknologi atau gajet dalam PnP bahasa Arab. Kaedah pembelajaran menggunakan BBM perlu dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan dan menarik perhatian serta minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Manakala tahap kemenjadian murid terhadap penggunaan teknologi dalam kajian ini pengkaji mendapati kesemua item adalah min adalah tinggi dan memberangsangkan. Dalam kajian ini membuktikan bahawa kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi mampu memberi impak yang positif terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Merujuk kepada ketiga-tiga sumber perbincangan di atas pengkaji menggunakan teori yang dicadangkan oleh Azizi Yahaya (2001) dan memperkenalkan penggunaan model kontek, Input, Proses, dan Produk (KIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam (1971) serta memperkukuhkan lagi kajian ini yang mengikut kesesuaian persekitaran dalam membantu pengkaji mencapai matlamat dan objektif kajian ini.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemenjadian murid adalah pada tahap tinggi. Guru Kafa SRABM meletakkan harapan dan bersiap sedia untuk sama menginovasikan PnP yang berteknologi agar terus berkekalan dan mencapai matlamat utama di era dunia tanpa sempadan. Penggunaan teknologi bukanlah untuk menggantikan metod yang sedia ada dan bukan menjadi penentu kejayaan dalam proses PnP.

Malah, teknologi dapat menjadi salah satu BBM. Hal ini boleh membantu melancarkan tugas guru bagi menarik minat murid dengan pelbagai teknologi yang sedia ada serta mengembangkan lagi minda murid dan kreatif. Oleh itu, pengkaji mengharapkan agar semua pihak dapat melaksanakan tugas masing-masing bagi memastikan bidang pendidikan negara terus berada di tahap yang cemerlang.

## RUJUKAN

- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W. M. R., Harun, H., Amiruddin, M. H., hashim, S., & Ja'afar, F. (2017). Bahan bantu mengajar (bbm) dalam pengajaran dan Pembelajaran (p&p) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*, (Special Issue) <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4808>
- Anuar Ahmad, & Nelson Jingga. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1–11. <https://ajap.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8155>
- Azizi Yahaya. (2001). Penggunaan model kontek. Input, proses dan produk (KIPP) dalam penilaian program pembelajaran. Sejauh manakah ia relevan? *International Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education*, July, 1–15. <http://eprints.utm.my/id/eprint/2241/1/puitm.pdf>
- Din, R., Ahmad, M., KZ, M. F., Mohamad Sidek, N., & Abdul Karim, A. (2009). Kesahan dan kebolehppercayaan soal selidik gaya e-Pembelajaran (eLSE). *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 5(2), 15–27.
- Halili, S. H., Sugumaran, R. (2019). Faktor mempengaruhi penggunaan video youtube dalam kalangan guru sekolah rendah dalam kesusasteraan Tamil. *JUKU: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 39–45. <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/17862>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 17–23.
- Kamarul Azmi, Ab Halim, Mohd Faez, & Mohd Izham. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59–74. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada wan Hassan, Mohd I. H. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam. *LAM*, 73(January), 594–597. <https://doi.org/10.1107/S205698901700411X>
- Manap, R., Othman, N., Roslan, S. N., Ismail, K., & Kamarubahrin, A. F. (2018). Konsep dan model penilaian terhadap keberkesanan program kerohanian mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (Ipti) di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference*, August, 1–19.
- Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, & Muhammad Syakir Sulaiman, M. A. (2016). Inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan bahan bantu mengajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 133–144.
- Murihah Abdullah, Mohd Faez Ilias, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arief SALLEH Rosman. (2016). Pembinaan kemahiran insaniah guru Pendidikan Islam di sekolah melalui amalan penggunaan bahan bantu mengajar. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 3(2), 56–72.
- Norhiza Fadila, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2016). Kompetensi, sikap dan penggunaan aplikasi web 2.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah (Competencies, attitude and application of web 2.0 as a teaching aids among Malay Language primary school teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6, 52–58.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony,

- & Dedek Febrian. (2017). Kefahaman Al-Quran dan jawi melalui permainan bahasa bermultimedia (Understanding quran and jawi using multimedia language game). *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(11), 41–53.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar (Bbm) menerusi pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi (Kbat) dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research* 2(1), 1–14. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/9748>
- Salleh, R., & Jusoh, A. J. (2015). Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik egogram analisis transaksional dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal PERKAMA*, 19(April), 67–82.
- Sallehin, S. A., Halim, A., Pendidikan, F., Tun, U., & Onn, H. (2015). *Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Shaliza Amira, S., Nurul Liyana, M., & Nuraishahtul Akmar, K. (2017). Kecenderungan menjalankan penyelidikan di kalangan pensyarah kolej komuniti Selandar, Melaka. *E-Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'17)* (21-23 Mac 2017), 1–14. [https://www.academia.edu/37849809/KECENDERUNGAN\\_MENJALANKAN\\_PENYELIDIKAN\\_DI\\_KALANGAN\\_PENSYARAH\\_KOLEJ\\_KOMUNITI\\_SELANDAR\\_MELAKA](https://www.academia.edu/37849809/KECENDERUNGAN_MENJALANKAN_PENYELIDIKAN_DI_KALANGAN_PENSYARAH_KOLEJ_KOMUNITI_SELANDAR_MELAKA)
- Ulrahman, D., Saad, M., Husaini, M. H., Hairon, S. M., Ampangan, K. V., Sembilan, N., Hussin, N. H., & Islam, B. P. (2019). *Kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar* [Doctoral dissertation, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)]. <http://conference.kuis.edu.my/icorale/wp-content/uploads/2018/04/1-8-1.pdf>